

CNS9775

R GB 20-01 00216 BB788

Bah

Mahathir - Percutian (Gambar)

LEBIH BANYAK PUSAT PERCUTIAN PERLU DIBINA DI LEMBAH KLANG

I

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lebih banyak pusat percutian perlu dibina di Kuala Lumpur bagi membolehkan penduduk bandaraya bersiar-siar selepas penat bekerja seharian.

Pusat-pusat percutian tersebut boleh dikunjungi oleh tiga juta penduduk di Lembah Klang untuk menghabiskan masa mereka bersama keluarga terutama semasa hujung minggu, katanya semasa merasmikan "The Mines Resort" di Sungai Besi dekat sini malam ini.

Dr Mahathir, yang tertarik dengan kemudahan di pusat percutian itu terutama pancutan air berirama, berkata kemudahan seperti itu sangat-sangat diperlukan di bandaraya untuk menarik pelancong tempatan dan luar negeri.

"Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya telah membangun dengan pesat sekali dan menjadi sebuah bandaraya yang megah dan kesemua ini adalah hasil kerja keras dan kecekapan orang ramai terutama penduduk-penduduk Kuala Lumpur," katanya.

"Malaysia telah mencapai kadar kejayaan yang tinggi dalam semua bidang yang menjadikannya lebih maju daripada negara-negara membangun lain," tambahnya.

"InsyaAllah dalam masa 27 tahun lagi, kita (Malaysia) akan menjadi sebuah negara maju," kata beliau.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Dr Mazlan Ahmad. -- Bernama

▼20/01/23-58MST